

ANTAMIN TABLET

Chlorpheniramine Maleate (4mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Antamin Tablet
2. Bagaimana Antamin Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Antamin Tablet
4. Cara menggunakan Antamin Tablet
5. Semasa menggunakan Antamin Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Antamin Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Antamin Tablet

Digunakan untuk merawat alahan seperti:

- alahan hidung (bersin, gatal, berair, kesesakan hidung dan mata berair).
- alahan kulit (bengkak, merah, bersisik, kulit mengelupas, ruam dan gatal).
- bengkak pada muka, bibir, lidah dan tekak
- alahan terhadap makanan.
- gigitan serangga.

Bagaimana Antamin Tablet berfungsi

Chlorpheniramine Maleate mempunyai ciri-ciri antihistamina yang menghalang pembebasan histamina semasa tindakbalas alahan. Histamina ialah bahan kimia yang dibebaskan dalam badan akibat tindak balas badan terhadap alahan.

Sebelum menggunakan Antamin Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Antamin Tablet jika anda alah (hipersensitif) terhadap Chlorpheniramine Maleate atau bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

- Jangan ambil Antamin Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Antamin Tablet jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Antamin Tablet

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Antamin Tablet jika anda:

- mempunyai masalah hati.
- mempunyai sawan.
- mengalami pembesaran prostat.
- mempunyai tekanan di dalam mata meningkat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Elak mengambil Antamin Tablet jika anda sedang mengambil ubat penenang dan anticholinergic. Chlorpheniramine mampu mengurangkan kesan betahistine yang membantu untuk mengurangkan gejala rasa berputar.

Cara menggunakan Antamin Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa

1 tablet tiga atau empat kali sehari.

Kanak-kanak sehingga 1 tahun

¼ tablet dua kali sehari.

Kanak-kanak 1 hingga 5 tahun

¼ hingga ½ tablet tiga kali sehari.

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun

½ tablet hingga 1 tablet tiga atau empat kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan dos yang berlebihan boleh mengakibatkan kesan mengantuk yang teruk, koma, diikuti dengan kemurungan selepas sawan. Untuk kanak-kanak kecil, kesan yang utama ialah keterujaan. Kesan yang lain ialah mendengar, menghidu, merasai atau berperasaan tentang perkara yang tidak wujud, pergerakan tidak terkawal, konvulsi, anak mata kekal mengembang, muka merah dan demam.

Semasa menggunakan Antamin Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Antamin Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Antamin Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elak minuman beralkohol.
- Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa mengantuk, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

- Mengantuk.
- Pening.
- Sakit kepala.
- Sukar tidur.
- Gemuruh.
- Kering mulut, tekak dan saluran pernafasan.
- Penglihatan kabur.
- Gangguan gastrousus.

Seperti ubat-ubatan lain, Antamin Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami

sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Orang Awam→Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Antamin Tablet

- Penyimpanan

Simpan di tempat kering bawah 30°C.

Lindungi dari cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Berwarna kuning, bulat, sisi serong dan leper, satu garis pemutus di satu bahagian, diameter 7.9mm.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Chlorpheniramine Maleate.

- Bahan tidak aktif

Colloidal Silicon Dioxide, Maize Starch, Pregelatinised Starch, Magnesium Stearate, Quinoline Yellow Powder, Purified Water, Lactose.

- Nombor MAL

MAL19860096AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/08/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)200718/00208